

Dr Mastura Badzis →

bh@bharu.com



# Cegah tipu

» Selami jiwa, emosi anak atasi sifat suka berbohong dan berontak

**Puan Noor:** Anak saya degil, menipu, tidak mendengar kata dan mudah mengamuk. Saya sentiasa menegah mereka berkelakuan begitu. Ada pendapat mengatakan perangai anak diwarisi keluarga terdekat. Malah, anak kedua saya berusia hampir tiga tahun, juga terbawa-bawa sifat mengamuk dalam tidur. Apakah kaedah memastikan mereka tidak menipu dan berperangai baik?

Ibu Risau.

**P**embinaan sahsiah, personaliti atau keperibadian tinggi terpuji antara aspek paling penting mengasuh dan mendidik anak. Dua elemen penting memberi kesan dalam proses pembentukan sahsiah mereka, iaitu elemen umum dan elemen khusus.

Persekitaran alam semula jadi mengelilingi kehidupan kanak-kanak, norma dan tatasuila peradaban masyarakat di mana kanak-kanak itu tinggal, bahan berbentuk 'materials' atau kebendaan manakala sesuatu berbentuk pengisian jiwa seperti asas agama, pemikiran, falsafah hidup dan sebagainya, kesemuanya itu dikategorikan sebagai elemen umum.

Elemen khusus merujuk kepada diri atau individu kanak-kanak dan remaja. Pendidikan diperolehi di rumah dan di sekolah, semua elemen ini memainkan peranan secara langsung membentuk perwatakan dan sahsiah mereka.

Justeru, setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah, si kecil 'belajar' bercakap benar atau bohong

dari persekitarannya. 'Menipu' suatu yang abstrak dan si kecil 'menipu' atau 'berbohong' hanya kerana dia melihat orang dewasa yang rapat dengannya melakukan perkara itu meskipun dia sendiri mungkin tidak memahami apakah yang dimaksudkan perbuatan itu.

Sebagai contoh, bila si kecil menjawab panggilan telefon dan diminta memberitahu ayahnya tiada di rumah sedangkan ayahnya ada, sudah pasti sukar bagi si kecil menjauhi sifat menipu pada masa depan.

## Jenis pembohongan

Pelbagai jenis 'pembohongan' biasa dilakukan si kecil dan ia berpunca daripada beberapa faktor. 'Pembohongan' berasaskan pemikiran imaginatif dan kreatif dan berlaku kepada kanak-kanak berusia di bawah tujuh tahun.

Anak mungkin bercakap atau bercerita tentang sesuatu perkara berdasarkan khayalan atau sifat imaginasi dan ini selari dengan ciri-ciri semula jadi kanak-kanak di peringkat usia ini yang belum boleh membezakan antara realiti atau fantasi.


Apabila si kecil semakin membesar dan pemahamannya tentang perbezaan realiti dan fantasi sudah semakin jelas, penceritaannya akan lebih berasaskan kepada realiti bukan lagi imaginasi.

Ada anak menipu kerana tekanan daripada ibu bapanya yang terlalu garang dan bersikap autokratik. Anak menipu untuk mengelak dihukum atau dimarahi dan mungkin menipu kerana perasaan cemburu

“  
ADA ANAK MENIPU KERANA TEKANAN DARIPADA IBU BAPANYA YANG TERLALU GARANG DAN BERSIKAP AUTOKRATIK. ANAK MENIPU UNTUK MENGELAK DIHUKUM ATAU DIMARAHI”

menabal terhadap adiknya lantas mengada-adakan cerita adik atau abangnya buat sesuatu tidak elok dengan harapan mereka akan dimarahi. Ia berlaku kerana ibu bapa mungkin berlaku tidak adil terhadap anaknya meskipun dalam situasi yang tidak disengajakan.

Ada anak menipu atau reka cerita bertujuan ingin disukai atau meminta per-



hatian terutama jika cerita itu akan menyebabkan orang lain terhibur dan rasa lucu bila mendengarnya.

## Cara atasi

Ibu bapa wajar mengenal pasti punca anak begitu. Bagi anak berusia enam tahun ke bawah, jelaskan kepadanya dengan tenang dan lembut tentang perbezaan antara realiti dan fantasi.

Anak melepasi usia itu, jelaskan kepadanya dengan penuh kasih sayang dan dalam keadaan tenang tanpa ada unsur tekanan mengenai kepentingan sikap amanah, benar dan berlaku jujur dalam kehidupan melalui contoh yang dapat menambat emosi mereka.

Beri keyakinan kepada anak agar dia percaya terhadap dirinya sendiri dan bimbing menyelesaikan sesuatu masalah dihadapi tanpa perlu berbohong. Wajar dilakukan ibu bapa menghukum anak bila dia cuba bercakap benar tentang sesuatu kesalahan dila-

kukannya untuk mengelak menipu.

Bagi menenangkan anak selalu mengamuk dan tidak tenteram mengawal selia emosi dalam dirinya secara beransur-ansur. Kebolehan mengawal selia emosi ini tidak wujud sebaik bayi dilahirkan sebaliknya kemahiran perlu dipelajari sejajar dengan kematangan pemikirannya dan sejauh mana persekitaran orang paling rapat dengannya dapat memberikan sokongan. Ibu bapa kena tenang dan kawal emosinya.

Anak berusia tiga tahun, emosi dialami amat sukar diluahkan dengan kata-kata. Emosi gembira, marah, geram, benci, sedih, cemburu adalah bersifat abstrak. Bantu untuk memahami dan mengenal pasti perasaan sedang dialaminya.

Jangan menafikan perasaan sedang dialaminya, sebaliknya peluk kuat-kuat dan katakan dengan penuh ketenangan dan keyakinan.

Anda ada masalah dengan anak?

Kongsi masalah bersama Pakar Perkembangan Pendidikan Pendidikan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Dr Mastura Badzis. Hantar soalan anda ke e-mel [bnhita@bharu.com](mailto:bnhita@bharu.com) atau melalui pos di alamat **Unit Ratu, Berita Harian, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur.**

## INFO

### Tip kawal emosi anak

- ⊙ Kawal selia emosi anda dulu sebelum mengawal emosi anak.
- ⊙ Luahkan emosi anda

sendiri dengan kata-kata sedap didengar.

- ⊙ Memperkuai terlebih dulu sesuatu perasaan atau emosi sedang dialaminya dan ambil tindak balas berda-

sarkan emosinya.

- ⊙ Jangan galakkan atau membiarkan anak meluahkan emosi dengan tindakan agresif, sebaliknya surun

lepaskan perasaan dengan lari di luar rumah, bermain air dan sebagainya.

- ⊙ Galakkannya bercakap tentang emosi dialaminya.

- ⊙ Ajak anak bermain atau membuat aktiviti penggunaan bahasa berkaitan dengan perasaan dan memahami perasaan orang lain.

- ⊙ Bantu tenang diri dengan strategi tertentu seperti, duduk diam, tarik nafas panjang-panjang, kira 1,2,3 dan sebagainya.